

**Lynas Cadang Kitar Semula Sisa Kilangnya Bagi Tujuan Komersil - Ongkili
Bernama
10 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 10 Apr (Bernama) -- Lynas Corporation Ltd (Lynas) bercadang mengitar semula sisa kilang pemprosesan nadir bumi miliknya di Pahang bagi tujuan komersil, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Maximus Ongkili.

Beliau berkata bagi merealisasikan cadangan itu, Lynas akan menjalankan penyelidikan dan pembangunan secara komprehensif bagi memastikan sisa tersebut memberi faedah semula kepada masyarakat.

"Sekiranya penyelidikan dan pembangunan ini tidak berjaya, sisa ini akan dilupuskan di kemudahan pelupusan tetap.

"Dalam keadaan senario paling buruk, Lynas telah mengeluarkan surat akujanji dengan bersetuju membawa balik sisa tersebut ke punca asal," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Lim Guan Eng (DAP-Bagan) di Dewan Rakyat hari ini.

Ongkili berkata Lynas menyatakan mengenai pelan pembuangan dan penyimpanan sisa projek itu melalui dua dokumen teknikal yang dipamerkan semasa rundingan awam antara 3 dan 16 Jan lepas.

Dua dokumen itu ialah 'Radioactive Waste Management Plan' dan 'Safety Case for Radioactive Waste' yang bertarikh 31 Dis tahun lepas.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=658283>